


## Bab 8 Garis dan Sudut

Padamkan langkah-langkah bagi soalan dibawah

1. Bina tembereng garis **AB** dengan panjang 10 cm dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja.


### Langkah 1

Lukis garis dan tandakan titik A.




### Langkah 2

Ukur jarak 8 cm pada jangka lukis.




### Langkah 3

Dari titik A, dengan jarak 8 cm ada jangka lukis, tandakan titik B pada garis lurus.




2. Bina pembahagi dua sama serenjang bagi tembereng garis  $PQ$  dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja.




**Langkah 1**

Buka jangka lukis supaya bukaannya lebih daripada separuh panjang  $PQ$ .




**Langkah 2**

Bina dua lengkok dari  $P$ , satu atas  $PQ$  dan satu bawah  $PQ$ .




**Langkah 3**

Tanpa mengubah buakan jangka lukis, bina dua lengkok dari  $Q$ , satu atas  $PQ$  dan satu bawah  $PQ$ .



**Langkah 4**

Lukis garis yang menyambungkan titik persilangan lengkok yang dibina dalam Langkah 2 dan 3.




3. Dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja, bina **garis serenjang kepada  $PQ$  dan melalui titik  $M$** .


•  $M$




Langkah 1  
Dengan buakan jangka lukis yang sama dari  $M$ , bina dua lengkok pada  $PQ$  dari  $M$ . Label dua titik itu sebagai  $R$  dan  $S$ .




Langkah 2  
Dengan buakan jangka lukis yang sama dari  $R$  dan  $S$ , bina lengkok masing-masing dari  $R$  dan  $S$  supaya dua lengkok itu bersilang



Langkah 3  
Lukis garis yang menyambungkan  $M$  dengan titik persilangan dua lengkok itu.




4. Dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja, bina **garis serenjang kepada  $PQ$  dan melalui titik  $N$ .**




#### **Langkah 1**

Dengan bukaan jangka lukis yang sama, bina dua lengkok pada  $PQ$  dari  $N$ . Label dua titik itu sebagai  $R$  dan  $S$ .




#### **Langkah 2**

Besarkan bukaan jangka lukis melebihi  $NR$  atau  $NS$ , dengan bukaan yang sama dari  $R$  dan  $S$ , bina dua lengkok masing-masing di atas dan di bawah  $PQ$  supaya dua lengkok itu bersilang.



#### **Langkah 3**

Lukis garis yang menyambungkan  $N$  dengan dua titik persilangan yang dibina dalam Langkah 2.



5. Dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris sahaja, bina **garis yang selari dengan  $PQ$**  dan melalui titik  $R$ .

<b>Langkah 1</b> Dengan buaan jangka lukis yang sama dengan jarak $PR$ , bina satu lengkok melalui $R$ dari $P$ .
<b>Langkah 2</b> Kekalkan buaan jangka lukis, bina satu lengkok dari $Q$ .
<b>Langkah 3</b> Dengan buaan jangka lukis yang sama dengan jarak $PQ$ , bina satu lengkok dari $R$ yang bersilang dengan lengkok yang dibina dalam Langkah 2.
<b>Langkah 4</b> Lukis garis yang menyambungkan $R$ dengan titik persilangan yang dibina dalam Langkah 3.

